

KESIHATAN

Pantau penjualan rokok kepada pelajar sekolah

Isu perokok bawah umur bukan perkara baru. Isu ini sudah lama dipersoalkan, tetapi semakin parah kebelakangan ini. Buktinya, kita mudah melihat ramai golongan bawah umur, rata-rata terdiri daripada pelajar sekolah tidak segan silu merokok dengan megah serta dengan pelbagai gaya.

Malah, ada yang lebih berani lagi merokok dalam pakaian seragam sekolah. Jadi, persoalan mula bermain dalam pemikiran orang ramai iaitu begitu mudah mereka peroleh rokok. Sudah pasti jawapannya rokok itu dibeli di kedai. Oleh yang demikian, bagi tujuan melindungi golongan bawah umur khususnya kanak-kanak dan remaja yang masih bersekolah ini, satu proses pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan isu terbabit perlu diambil bagi mengelak golongan bawah umur merosakkan kesihatan sendiri.

Tiada pemantauan tegas

Sudah banyak kempen dilakukan terhadap isu ini, namun secara realitinya kempen ataupun isu larangan ini hanya timbul seketika saja dan tiada pemantauan tegas mahupun tindakan berterusan dilakukan dalam isu ini.

Satu tindakan tegas dan berterusan harus diambil oleh pihak berkuasa terhadap penjual rokok yang tidak bertanggungjawab menjual produk tembakau dan rokok kepada kanak-kanak dan remaja yang belum mencapai umur 18 tahun.

Kementerian Kesihatan Malaysia perlu kerap melancarkan operasi penguatkuasaan Peraturan-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 281) yang sedia ada bagi menyasarkan penguatkuasaannya terhadap larangan penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa, larangan orang belum dewasa merokok atau memiliki hasil tembakau dan tanggungjawab penjual rokok untuk mempamerkan tanda larangan jualan hasil tembakau kepada orang di bawah umur 18 tahun.

Peraturan terbabit memperuntukkan bahawa orang yang belum dewasa ataupun yang berada di bawah umur bermaksud orang yang umurnya di bawah 18 tahun. Peraturan 8 (1) & (2) memperuntukkan dengan jelas tiada seorang pun boleh menjual apa-apa hasil tembakau kepada orang yang belum dewasa. Mana-mana orang yang melanggar peraturan terbabit melakukan ke-



Proses pemantauan dan penguatkuasaan elak golongan bawah umur merokok.

[GAMBAR HL]

salahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi dua tahun.

Peraturan 13 (1) juga memperuntukkan bahawa mana-mana orang belum dewasa yang didapati merokok, mengunyah, membeli atau mempunyai dalam miliknya apa-apa hasil tembakau sama ada untuk kegunaannya sendiri atau tidak melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Peraturan 14 (1) juga memperuntukkan kepada semua penjual kedai yang menjual rokok untuk mempamerkan dengan cara yang mudah dilihat suatu

tanda berkenaan dengan larangan menjual hasil tembakau kepada orang belum dewasa di kaunter di mana hasil tembakau dipamerkan atau ditawarkan untuk jualan.

Tindakan ke atas pekedai langgar peraturan

Mana-mana pekedai yang melanggar peraturan ini juga dianggap melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun. Dalam membanteras tabiat merokok dalam kalangan mereka yang berada di bawah umur ini, aspek pendidikan juga perlu diberi perhatian serius.

Ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam memastikan setiap pergerakan dan aktiviti serta pelajar supaya tidak terjebak dalam aktiviti tidak sihat ini. Ibu bapa serta guru yang merokok juga dinasihatkan supaya berhenti merokok bagi menunjukkan teladan yang baik. Usaha ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pihak dalam melahirkan generasi belia bersahsiah tinggi dan cemerlang pada masa akan datang.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang (FUSU)
Universiti Sains Islam Malaysia